



Headline	Anak pensyarah muncul graduan terbaik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Jul 2013	Color	Full Color
Section	Sentral	Circulation	192,982
Page No	N5	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	272 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,209
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,626



Anak pensyarah muncul graduan terbaik

Jasin: Anak seorang pensyarah Universiti Kuala Lumpur (UniKL) muncul pelajar terbaik keseluruhan dan menerima Anugerah Pengarah Politeknik sempena Majlis Konvokesyen Ke-12 Politeknik

Merlimau di sini, semalam.

Graduan Diploma Seni Bina, Amira Nabila Raduwan, 22, berjaya merangkul anugerah itu selepas turut dipilih menerima Anugerah Kecemerlangan Akade-

mik dan Kokurikulum bagi kategori Politeknik dan Jabatan apabila memperoleh Purata Gred Nilai Keseluruhan (CGPA) 3.68.

Beliau berkata, kejayaan terpilih sebagai pelajar terbaik itu adalah hadiah hari lahir paling bermakna diberikan kepada ibu dan bapanya masing-masing menyambut ulang tahun kelahiran mereka pada 22 dan 28 Jun lalu.

Tumpu sepenuh perhatian

“Saya bersyukur kerana dipilih

dan tidak dapat menggambarkan perasaan gembira saya terhadap penghormatan yang diberikan ini. Ia berkat kesungguhan menumpukan sepenuh perhatian ketika di kelas.

“Saya sentiasa berbincang perkara dan tugas tidak difahami dengan pensyarah serta rakan. Sepanjang mengikuti pengajian juga, saya sering berniat belajar kerana Allah,” katanya.

Pada majlis konvokesyen itu, seramai 1,054 graduan terdiri daripada 13 bidang pengajian menerima diploma dan sijil masing-masing yang disampaikan Yang di-Pertua negeri, Tun Mohd Khalil Yaakob.

Amira yang hadir ditemani ibu, Norhazian Yusof, 56, dan bapa, Dr Raduwan Idar, 56, berkata, dia berharap anugerah itu akan menjadi pemangkin untuknya meraih lebih banyak kejayaan pada masa depan.

“Saya sudah menerima tawaran kerja daripada sebuah sya-

rikat di Brunei dan akan mula bertugas dalam dua minggu lagi sebagai pereka landskap. Jika ada rezeki, saya akan menyambung pengajian selepas ini,” katanya.

Sementara itu, Raduwan berkata, beliau bersyukur kerana dapat menyaksikan kejayaan anak perempuannya tunggalnya merangkul anugerah pelajar terbaik.

Bukti kewibawaan

“Anak keempat saya ini seorang yang bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu perkara dan Alhamdulillah beliau berjaya membuktikan kewibawaannya sebagai pelajar jurusan ini dengan bantuan pensyarah serta rakannya di sini.

“Meskipun hanya memperoleh dua A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebelum ini, saya percaya dia berjaya kali ini kerana hasil kesungguhan usahanya untuk membuktikan dirinya boleh mencapai kejayaan yang disaskannya,” katanya.



Amira Nabila bersama ibu dan bapanya **menunjukkan sijil dan trofi** yang diterima selepas Majlis Konvokesyen Ke-12 Politeknik Merlimau, di Jasin, semalam.